

<b>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</b>  (Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum tuan/puan membuat keputusan untuk memohon Surat Kredit-i. Pastikan juga tuan/puan membaca <u>terma di dalam surat tawaran</u> . Minta penjelasan daripada Bank sekiranya tuan/puan tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma am.)	<b>PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD</b> 197301001433 (14328-V)  <b>SURAT KREDIT-i</b>  <b>TARIKH :</b>						
<b>1. Apakah produk ini?</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Surat Kredit-i (LC-i) adalah aku janji bertulis yang diberikan oleh Bank bagi pihak pelanggan kepada penjual (biasanya dikenali sebagai benefisiari), iaitu Bank akan membayar sejumlah wang, seperti yang ditetapkan dalam Surat Kredit-i, dengan syarat penjual mematuhi terma dan syarat Surat Kredit-i.</li> <li>Surat Kredit-i (LC-i) akan dicagarkan sepenuhnya melalui deposit marginal (tunai), menguntukkan Akaun Semasa-i/Akaun Semasa atau Deposit Bertempoh-i/Deposit Tetap.</li> </ul>							
<b>2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Wakalah - Suatu hubungan agensi yang Bank bertindak sebagai ejen bagi pihak sebuah syarikat atau individu. Penetapan ini digunakan untuk Surat Kredit-i (LC-i).</li> <li>Wa'd - Janji satu pihak (unilateral) yang merujuk pada pernyataan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan.</li> </ul>							
<b>3. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bank mengeluarkan Surat Kredit-i (LC-i) dan membayar wang kepada Bank perunding urus dengan menggunakan deposit yang disimpan oleh tuan/puan dengan Bank dan seterusnya mengeluarkan dokumen kepada tuan/puan.</li> </ul> <table border="1" style="width: 100%; margin-top: 10px; border-collapse: collapse;"> <tr> <th colspan="2" style="text-align: left; padding: 2px;">Bil Perdagangan-i - Surat Kredit-i (Perlu dibayar apabila dituntut)</th> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Had Pembiayaan</td> <td style="padding: 2px;">: RM _____</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Kadar Komisen Surat Kredit-i</td> <td style="padding: 2px;">: _____ % setiap bulan</td> </tr> </table>		Bil Perdagangan-i - Surat Kredit-i (Perlu dibayar apabila dituntut)		Had Pembiayaan	: RM _____	Kadar Komisen Surat Kredit-i	: _____ % setiap bulan
Bil Perdagangan-i - Surat Kredit-i (Perlu dibayar apabila dituntut)							
Had Pembiayaan	: RM _____						
Kadar Komisen Surat Kredit-i	: _____ % setiap bulan						
<b>4. Apakah kewajipan saya?</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Surat Kredit-i adalah perlu dibayar apabila dituntut.</li> <li>Jumlah yang tuan/puan mesti bayar balik adalah termasuk caj.</li> </ul>							
<b>5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?</b> <table border="1" style="width: 100%; margin-top: 10px; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 60%; text-align: center; padding: 5px;">Fi dan caj</th> <th style="width: 40%; text-align: center; padding: 5px;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;"> <b>Komisen</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengeluaran Surat Kredit (LC-i)</li> <li>Pindaan kepada Surat Kredit-i (LC-i) (Melanjutkan tempoh sah LC-i/menambah jumlah)</li> </ul> </td> <td style="text-align: center; vertical-align: top; padding: 5px;">                     0.10% setiap bulan Min. RM75.00                       0.10% setiap bulan Min. RM50.00                 </td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;"> <b>Duti Setem</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Surat Tawaran</li> <li>Dokumen Cagaran Lain                             <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Surat Tolak Selesai</li> <li>✓ Surat Cagaran</li> </ul> </li> <li>Surat Kredit-(LC-i) Asal</li> <li>Permohonan Surat Kredit (LC-i)</li> </ul> </td> <td style="text-align: center; vertical-align: top; padding: 5px;">                     RM10.00                       Ad valorem                      Ad valorem                      Dikecualikan                      RM10.00                 </td> </tr> </tbody> </table>		Fi dan caj	Jumlah (RM)	<b>Komisen</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengeluaran Surat Kredit (LC-i)</li> <li>Pindaan kepada Surat Kredit-i (LC-i) (Melanjutkan tempoh sah LC-i/menambah jumlah)</li> </ul>	0.10% setiap bulan Min. RM75.00  0.10% setiap bulan Min. RM50.00	<b>Duti Setem</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Surat Tawaran</li> <li>Dokumen Cagaran Lain                             <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Surat Tolak Selesai</li> <li>✓ Surat Cagaran</li> </ul> </li> <li>Surat Kredit-(LC-i) Asal</li> <li>Permohonan Surat Kredit (LC-i)</li> </ul>	RM10.00  Ad valorem Ad valorem Dikecualikan RM10.00
Fi dan caj	Jumlah (RM)						
<b>Komisen</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengeluaran Surat Kredit (LC-i)</li> <li>Pindaan kepada Surat Kredit-i (LC-i) (Melanjutkan tempoh sah LC-i/menambah jumlah)</li> </ul>	0.10% setiap bulan Min. RM75.00  0.10% setiap bulan Min. RM50.00						
<b>Duti Setem</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Surat Tawaran</li> <li>Dokumen Cagaran Lain                             <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Surat Tolak Selesai</li> <li>✓ Surat Cagaran</li> </ul> </li> <li>Surat Kredit-(LC-i) Asal</li> <li>Permohonan Surat Kredit (LC-i)</li> </ul>	RM10.00  Ad valorem Ad valorem Dikecualikan RM10.00						

**5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?, sambungan**

Fi dan caj	Jumlah (RM)
<b>Fi Pengendalian</b>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pindaan lain bg Surat Kredit (LC-i)</li> <li>• Fi perbezaan Surat Kredit (LC-i):                             <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Asing</li> <li>✓ Tempatan</li> </ul> </li> </ul>	RM50.00 tetap  RM100.00 yang sama nilai dengannya RM50.00

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari lama web kami di [www.publicislamicbank.com.my](http://www.publicislamicbank.com.my).

**6. Bagaimanakah sekiranya saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?**

- Cagaran yang diperuntukan untuk kemudahan Surat Kredit-i (LC-i) akan dikeluarkan pada tarikh matang untuk jumlah penuh termasuk caj (jika ada).
- Melainkan ditetapkan sebaliknya di bawah jenis-jenis kemudahan yang berkenaan, apabila berlaku kemungkiran Bank berhak untuk mengenakan berikut:
  - a) Kerana gagal untuk membayar ansuran dan terus gagal untuk membayar melepasi tarikh matang kemudahan tersebut, kadar yang boleh diguna pakai adalah Kadar Pembiayaan Purata Bank\* (KPP) atas baki belum jelas atau kadar yang lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Formula bagi pembayaran lewat selepas matang adalah seperti yang berikut:

$$\text{Baki Belum Jelas} \times \text{KPP} \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$

\* Juga dikenali sebagai "Kadar Digabung" yang terdiri daripada dua (2) elemen iaitu *ta'widh* dan *gharamah*. *Ta'widh* merujuk kepada amaun yang boleh diganti rugi kepada Bank berdasarkan kerugian sebenar yang ditanggung disebabkan kemungkiran dan *gharamah* merujuk kepada penalti yang dikenakan melebihi *ta'widh*.

- b) Bank tidak akan menambah ganti rugi yang mesti dibayar kepada amaun pokok/amaun pembiayaan.
- Bank mempunyai hak pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada tuan/puan untuk mendebitkan akaun semasa/simpanan tuan/puan dengan kami bagi pembayaran bayaran bulanan pembiayaan tersebut dan apa-apa caj dan/atau yuran lain yang ditanggung dalam pemberian pembiayaan tersebut termasuk sumbangan Takaful, cukai tanah, cukai pintu, kos bagi laporan penilaian yang dikemaskinikan/disemak semula, yuran untuk carian, yuran guaman untuk penyediaan dan penyempurnaan dokumen sekuriti oleh peguam Bank, kos guaman yang ditanggung berkaitan dengan penguatkuasaan/kos pemulihan dan apa-apa kos atau perbelanjaan lain yang berkaitan dengannya.
  - Jika tempoh pembiayaan berlanjutan sehingga persaraan, tuan/puan hendaklah memaklumkan kepada kami mengenai rancangan tuan/puan untuk membayar pinjaman selepas persaraan tuan/puan.
  - Tuan/Puan hendaklah memberikan kepada kami semua maklumat yang berkaitan berkenaan dengan pembiayaan yang diambil daripada semua institusi kewangan, koperasi, persatuan pembinaan, syarikat kredit dan saudagar yang menyediakan jualan kredit dsbnya. dan untuk memberi maklumat penting sepenuhnya dan setepatnya yang mempunyai kaitan dengan keputusan pembiayaan kami. Kegagalan tuan/puan untuk memberi maklumat penting dan betul dalam permohonan pembiayaan tersebut selain akibat daripada pemberian maklumat yang tidak lengkap dan tidak betul akan menyebabkan kadar pembiayaan yang lebih tinggi atau penolakan permohonan pembiayaan tuan/puan.

**6. Bagaimanakah sekiranya saya gagal untuk memenuhi kewajipan saya?, sambungan**

- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya tuan/puan gagal untuk bertindak terhadap notis-notis peringatan. Harta tuan/puan mungkin dirampas dan tuan/puan terpaksa menanggung semua kos guaman. Tuan/Puan juga bertanggungjawab untuk membayar apa-apa kurangan selepas harta tuan/puan dijual. Tindakan undang-undang terhadap tuan/puan mungkin menjejaskan penarafan kredit tuan/puan yang boleh menyebabkan pembiayaan menjadi lebih sukar atau lebih mahal bagi tuan/puan.
- Sekiranya pelanggan tidak dapat dihubungi, tanggungjawab Bank dianggap telah disempurnakan sekiranya notis sedemikian telah dihantar ke alamat terakhir pelanggan sekurang-kurang 7 hari lebih awal.

**7. Apakah risiko-risiko utama?**

Tuan/Puan terdedah kepada risiko bahawa barang yang diterima tidak menepati kontrak jualan seperti yang dinyatakan di bawah UCP 600 (peraturan antarabangsa yang mengawal Surat Kredit):

- Bank-bank hanya berurusan dengan dokumen dan bukan dengan barang yang dinyatakan dalam Surat Kredit-i.
- Surat Kredit-i adalah urusan niaga yang berasingan daripada kontrak jualan walaupun Surat Kredit-i dikeluarkan berdasarkan kontrak jualan.

**8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi saya?**

- Adalah penting untuk tuan/puan memaklumkan kepada kami (notis bertulis hendaklah dihantar kepada cawangan yang memegang akaun) mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat untuk menghubungi tuan/puan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada tuan/puan tepat pada masanya.

**9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?**

- Sekiranya tuan/puan mempunyai masalah untuk membuat pembayaran, tuan/puan boleh menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.
- Sekiranya tuan/puan ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami berikan, tuan/puan boleh menghubungi kami di:

**Public Islamic Bank Berhad**  
**Tingkat 25, Menara Public Bank**  
**146 Jalan Ampang**  
**50450 Kuala Lumpur**

Telefon : 1-800-22-5555  
Faks : 03-2162 2224  
E-mel : [islamicbkg@publicislamicbank.com.my](mailto:islamicbkg@publicislamicbank.com.my)  
Laman web : <https://www.publicislamicbank.com.my>

- Selain itu, tuan/puan boleh juga mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Tuan/Puan boleh menghubungi AKPK di:

**Tingkat 8, Maju Junction Mall**  
**1001, Jalan Sultan Ismail**  
**50250 Kuala Lumpur**

Telefon : 03-2616 7766  
E-mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

**9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?, sambungan**

- Sekiranya pertanyaan atau aduan tuan/puan tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan, tuan/puan boleh menghubungi TELELINK Bank Negara Malaysia di:

**Pusat Hubungan Pelanggan (BNMTELELINK)**

**Bank Negara Malaysia**

**P.O. Box 10922**

**50929 Kuala Lumpur**

Telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)

Luar Negeri : 603-2174 1717

Waktu Operasi : 9:00 pagi – 5:00 petang (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)

Web Form (Borang Web) : [telelink.bnm.gov.my](http://telelink.bnm.gov.my)

**10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

- Sekiranya tuan/puan memerlukan maklumat tambahan mengenai cara untuk mendapatkan 'Surat Kredit-i', sila layari laman web *bankinginfo* melalui [www.bankinginfo.com.my](http://www.bankinginfo.com.my).

**11. Apakah Kemudahan Lain yang Disediakan?**

- Jaminan Jurubank-i
- Jaminan Perkapalan-i
- Kemudahan Resit Amanah-i
- Bil Penerimaan-i

**NOTA PENTING: CAGARAN TUAN/PUAN MUNGKIN AKAN DIRAMPAS SEKIRANYA TUAN/PUAN  
TIDAK MEMBUAT BAYARAN UNTUK PEMBIAYAAN TUAN/PUAN.**

Butiran di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja, kadar keuntungan dan caj mungkin berubah dan tertakluk kepada terma dan syarat Bank.

Tandatangan/Tarikh: .....

Nama Pegawai/Pegawai Pemasaran: .....

- Saya mengesahkan bahawa sesalinan lembaran pendedahan produk ini telah diberi dan dijelaskan kepada pemohon.
- Maklumat yang terdapat dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada tarikh yang dinyatakan di dalam ini.